

Soalan 1 – Aneka pilihan

Pilih jawapan yang betul dengan menulis A,B,C atau D di dalam petak.

1. Semasa dalam perjalanan kita hendaklah berhati-hati di jalan raya di samping berdoa supaya tidak berlaku _____.
A. Kecelakaan atau kemalangan
B. Kecelakaan atau kerugian
C. Kemalangan atau keseronokkan
D. Keseronokkan atau kecuaian
2. Jika ada keluarga yang ditimpa musibah, kita perlu mengucapkan _____.
A. Takziah dan simpati
B. Tidak peduli dan senyum
C. Tahniah dengan rasa gembira
D. Tahniah dan bersyukur
3. Terjahaman: "Wahai tuhanku, Lapangkanlah bagiku dadaku dan mudahkanlah bagi tugasku dan lepaskanlah kelakuanku dan lidahku supaya mereka memahami perkataan ku." _____.
A. Doa sebelum tidur
B. Doa bangun tidur
C. Doa selepas belajar
D. Doa sebelum belajar
4. Rajin membersihkan persekitaran rumah akan _____.
A. Menggelisahkan hati dan perasaan
B. Mententeramkan otak dan tangan
C. Mententeramkan fikiran
D. Menyedihkan hati
5. Orang yang tidak berdoa dianggap orang yang _____.
A. Takbur
B. Bersyukur
C. Muafaf
D. Bersih

6. Sifat-sifat yang perlu ada bagi seseorang anak terhadap ibu bapanya ialah _____.
- A. melalaikan suruhan atau arahan dari ibu bapa.
 - B. meminta upah setiap arahan yang diberikan kepada kamu.
 - C. membantu ibu bapa menyiapkan kerja yang diarahkan dengan cepat.
 - D. tidak menurut perintah ibu bapa.
7. kita hendaklah sentiasa memaafkan orang lain dan bersikap sabar supaya _____.
- A. orang yang berdendam dan sangka dengan kita.
 - B. perselisihan faham tidak akan berpanjangan.
 - C. kita akan dipandang lemah dan mudah diperdayakan.
 - D. kita ditertawakan dan dipandang rendah.
8. Bagaimanakah cara untuk menjadi jiran yang baik?
- A. Gemar berburuk sangka dengan jiran.
 - B. Tidak suka bertegur sapa sesama jiran.
 - C. Berusaha mengelakkan perselisihan faham.
 - D. Meminta-minta barang.
9. Cara untuk mengelakkan diri daripada terlibat dengan gejala tidak sihat ialah _____.
- A. Mencuba bahan yang boleh membahayakan kesihatan.
 - B. Menjauhi teman yang cuba membawa kita kepada perbuatan yang menyalahi undang-undang.
 - C. Berkawan dengan kawan yang terlibat dengan dadah.
 - D. Selalu bertanya dan ingin mengetahui tentang gejala tersebut.
10. Setiap individu hendaklah mengamalkan cara hidup _____.
- A. Bermusuhan.
 - B. Bersih dan sihat.
 - C. Kotor dan tidak selesa.
 - D. Malas dan bersukaria.

11. Apakah maksud peribahasa ini “kerana nila setitik, rosak susu sebelanga”?

- A. Kerana dakwat tumpah di baju habislah baju kita.
- B. Kerana melakukan kesalahan kecil, seluruh keluarga mendapat malu.
- C. Kerana membeli barang mahal semua kawan suka.
- D. Kerana terkena hujan, basah semua kain di jemuran.

12. Jangan mudah _____ jika gagal dalam penilaian sekolah.

- A. Berputus asa
- B. Angkuh
- C. Sombong
- D. Berbangga

13. Pelajar yang pandai menyusun jadual waktu belajar akan _____.

- A. Gagal
- B. Kecewa
- C. Merana
- D. Berjaya

14. Kita perlu bijak menggunakan masa _____.

- A. Supaya kita Berjaya meskipun lalai.
- B. Supaya Berjaya dalam hidup.
- C. Supaya kita sentiasa terburu-buru.
- D. Supaya kita sentiasa terus membuat keputusan.

15. Berbagai cara mengamalkan gaya hidup sihat, antaranya:

- i. Membiarkan tandas kotor.
- ii. Memilih rakan sebaya.
- iii. Mengutamakan kebersihan tempat tinggal.
- iv. Pergaulan sopan.

- A. I, ii dan iv
- B. I, ii dan iii
- C. Ii, iii dan iv
- D. I, iii dan iv

16. Berdoa boleh membawa _____.

- A. Keperitan dalam hidup.
- B. Keberkatan dalam hidup.
- C. Kesedihan dan merana.
- D. Kesengsaraan dan menderita.

17. Keluarga yang mengamalkan sikap tolong-menolong akan hidup dengan penuh _____.

- A. Kasih sayang.
- B. Porak peranda.
- C. Hasad dengki.
- D. Pilih kasih.

18. Sebaliknya kita janganlah suka berhutang, kerana hutang yang banyak boleh menjadi _____.

- A. Mewah.
- B. Senang.
- C. Bebanan.
- D. Kaya.

19. Jika mahu menjadi seorang pemimpin yang baik dan bertanggungjawab, seseorang itu hendaklah bersikap _____.

- A. Adil dan pemaarah.
- B. Penyayang dan pilih kasih.
- C. Adil dan tegas.
- D. Lucu dan periang.

20. Memupuk sikap saling menghargai sesama warga sekolah dengan cara _____.

- A. Tidak sopan di hadapan mereka.
- B. Mengucapkan salam dan selamat kepada mereka.
- C. Tidak hormat.
- D. Tidak bertegur sapa.

